



الكلية الجامعية الإسلامية بمالقا  
KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA  
University College Of Islam Melaka  
( 2022 Pusat Kajian Islam Melaka )  
IKU SYSTEM



# KUIM

SEGALANYA BERMULA  
DISINI

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
FAKULTI PENGURUSAN HOSPITALITI  
FAKULTI KEJURURAWATAN  
FAKULTI SAINS, TEKNOLOGI DAN KEJURUTERAAN  
FAKULTI INOVASI PERNIAGAAN DAN PERAKAUNAN  
FAKULTI SAINS SOSIAL



Untuk Keterangan Lanjut Sila Hubungi:

En. Hizamudeen : 017 9223650  
EN. Safwan : 017 4270407

<http://kuim.edu.my/permohonan/index.php/register>  
[www.kuim.edu.my](http://www.kuim.edu.my)



# KONVENSYEN SERANTAU PENGAJIAN ISLAM 2016

Regional Convention on Islamic Studies (RCIS)

(PERINGKAT ANTARABANGSA SIRI KE - 3)

**9 - 10 NOVEMBER 2016**  
NOVOTEL HOTEL, MELAKA

﴿Penguatan Pengajian Islam Melalui 3i﴾  
**Inspirasi, Intelektual, Inovasi**﴾



GERBANG PENGAJIAN  
PSIKOLOGI DAN  
PENGURUSAN INSAN

Untuk Keterangan Lanjut Sila Hubungi :

Pn. Shahrina 017 240 6097  
En. Sabree 013 631 0133  
Cik Filzah 013 441 6122  
Pejabat 06 387 8391 / 8585  
Faks 06 387 7461

[www.kuim.edu.my](http://www.kuim.edu.my)



[www.kuim.edu.my](http://www.kuim.edu.my)



**PROSIDING  
PENGAJIAN ISLAM DALAM ISU KONTEMPORARI**

**KONVENSYEN SERANTAU PENGAJIAN ISLAM  
(RCIS 2016)  
PERINGKAT ANTARABANGSA SIRI KE-3**

**PENGUKUHAN PENGAJIAN ISLAM MELALUI 3i  
“INSPIRASI, INTELEKTUAL, INOVASI”**

**ANJURAN:  
AKADEMI PENGAJIAN ISLAM  
DAN  
FAKULTI UNDANG-UNDANG, GOVERNAN DAN HUBUNGAN  
ANTARABANGSA**

**KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA**

**PROSIDING  
PENGAJIAN ISLAM DALAM ISU KONTEMPORARI**

**KONVENSYEN SERANTAU PENGAJIAN ISLAM  
(RCIS 2016)  
PERINGKAT ANTARABANGSA SIRI KE-3**

**9 & 10 NOVEMBER 2016**

**HOTEL HOLIDAY INN, MELAKA  
MALAYSIA**

**KETUA EDITOR**

En. Mohd Sufiean Hassan

**SIDANG PENYUNTING**

Noor Azizah Jakaria

Umi Kalsum Mohd Mobarak

Muslihah Mazlan

Nurul Athirah Azmi

Zanariah Aripin

Norizan Samri

Hana Duerama

PROSIDING  
PENGAJIAN ISLAM DALAM ISU KONTEMPORARI

KONVENSYEN SERANTAU PENGAJIAN ISLAM 2016  
(RCIS 2016)  
PERINGKAT ANTARABANGSA SIRI KE-3

HAK CIPTA KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MELAKA, 2016  
1437H

Hak Cipta Terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan mana-mana bahagian artikel, ilustrasi dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan apa juga cara sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada Pusat Penyelidikan dan Pembangunan, Inovasi, Kreativiti dan Pengkomersialan Kolej Universiti Islam Melaka.

ISBN : 978-967-12078-9-5

@ 2016

Penerbit  
Kolej Universiti Islam Melaka  
KM 45, Kuala Sungai Baru  
78200 Melaka

06-3877915 / 06-3877916

## KANDUNGAN

### PRAKATA

Informal Islamic Learning And Academic Performance In Islamic Studies: A Descriptive Study <i>Rahat Bhatti &amp; Aseem Majid Rizvi</i>	1
A Study Of Selection Of Islamic Financing Product In Malaysia <i>Mohd Halim Kadri</i>	7
Permasalahan Sebutan Huruf Hijaiyyah Dalam Kalangan Pelajar Tahun 5 Sekolah Kebangsaan <i>Muhamad Zahiri Awang Mat, Marliana Ghazali, Nor Rafidah Abd Talib &amp; Siti Salwa Md. Sawari</i>	17
Halal Food Consumptions Associated With Muslim Psychology: A Conceptual Paper <i>Siti Salwa Md. Sawari, Mohd Al'ikhsan Ghazali, Mohd Hambali Abd. Rashid &amp; Tajulashikin Jumahat</i>	23
Garis Panduan Khusus Buat Pelanggan Sebelum Memohon Pembiayaan Perumahan Secara Islam <i>Nurul Athirah Mohd Azmi, Rahisam Ramli, Mohd Sabree Nasri &amp; Rusyda Yahya</i>	29
Analysis Of Imam And Their Training In Pakistan <i>M.Naeem Mohsin</i>	39
Tokoh Ulama Melaka: Satu Kajian Terhadap Mualim Haji Abdul Wahid <i>Azmi Budin</i>	49
Kesedaran Pelajar Kolej Universiti Islam Melaka Terhadap Aplikasi Mudah Alih Berunsurkan Islam (Islamic Mobile Apps) <i>Norzaimah Zainol, Shahrul Niza Samsudin, Ronizam Ismail, Abdul Wahid Sulaiman, Dina Syafini Zaid &amp; Rasina Mat Yasin</i>	75

The Contribution Of Tabung Haji As An Islamic Non-Bank Financial Institution For Socio-Economic Of Muslim In Malaysia <i>Rohailin Zainon, Maryam Mohd Esa, Nurulhayah Muhamad &amp; Mohd Farhan Abd Rahman</i>	95
Friday Sermon As Intra-Dialogue Platform: A Conceptual Analysis <i>Zulkefli Ahmad, Khairulnizam Mat Karim (Ph.D) &amp; Suzy Aziziyana Saili</i>	109
Penambahbaikan Kursus Pengajaran Bahasa Arab Kepada Orang Awam Di Pusat Bahasa (CELPAD) Universiti Islam Antarabangsa Malaysia Dari Perspektif Pelajar <i>Dr Rahmat Abdullah &amp; Dr Shamsudin Mohd Noor</i>	121
Ketokohan Buya Mawardi Dalam Ilmu Hadis <i>Jannatul Husna Ali Nuar</i>	133
Integrating Maqasid Al-Shariah Concepts In Education For Holistic Development Of The Learner: An Islamic Perspective <i>Dr. Hamdun I. Sulayman</i>	159
The Development Of Transformational Leadership Module Based On Social Audit Conducted In Pagoh, Malaysia <i>Dr Othman Ab. Rahman, Associate Prof. Datin Dr Sapora Sipon &amp; Associate Prof. Dr Mohd Yahya Arifin</i>	175
Pelaporan Halal Oleh Syarikat Patuh Syariah Di Malaysia: Kajian Menurut Perspektif Maqasid Al-Shariah <i>Rusli Abdul Roni &amp; Mahlindayu Tarmidi@Tokhid</i>	187
Assessing Problems In The Program Of Teaching Arabic Language For The Public Of Non-Arabic Native Speaker At The Institute For Language Advancement, International Islamic University Malaysia <i>Dr. Fekri Abidin Hassan</i>	203
The Impact Of Social Stability On Maintaining The Economic Development Of The Republic Of Yemen <i>Dr. Luqman Zakariyah &amp; Ali Soleh Ali Faqir</i>	229

Determinants Of Capital Structure: An Empirical Investigation  
Of Malaysian Listed GLCs Vs Non GLCs

251

*Siti Nur Aqilah Ab Wahab, Mohd Rushdan Yasoa, Zakiah  
Hassan & Samsulbahri Mohd Nasir*





## **PRAKATA**

*Bismillahirrahmanirrahim*

Segala puji bagi Allah SWT, selawat dan salam kepada Nabi Muhammad SAW, keluarga dan para sahabat Baginda.

Prosiding bertemakan Pengajian Islam Dalam Isu Kontemporari merupakan koleksi kertas kerja yang dibentangkan di Konvensyen Serantau Pengajian Islam 2016 (RCIS), Peringkat Kebangsaan Kali Ke-3 anjuran Akademi Pengajian Islam dengan kerjasama Fakulti Undang-undang, Governan dan Hubungan Antarabangsa, Kolej Universiti Islam Melaka pada 9 dan 10 November 2016 bersamaan 9 Safar 1437H yang bertempat di Hotel Holiday Inn, Melaka.

Konvensyen yang diadakan ini berupaya memacu matlamat untuk membuka peluang serta menjadi wadah kepada para ilmuwan Islam dan ahli akademik berkongsi pendapat dan membentangkan idea-idea mengenai bidang kepakaran masing-masing dalam perspektif Islam khususnya dalam isu-isu kontemporari. Diharap konvensyen ini dapat membentuk dan membangunkan manusia yang tidak hanya tertumpu pada ilmu ukhrawi malah diintegrasikan dengan ilmu duniawi yang menjadikannya satu kurikulum pendidikan yang begitu unik dan seimbang antara akal dan wahyu.

Oleh itu, besar harapan agar semua yang dirancang dapat dilaksanakan dengan penuh hemah dan sistematik dengan mengambil kira keperluan semasa serta aspirasi dalam menggapai kejayaan yang diimpikan. Di samping itu, semoga perkongsian dan percambahan ilmu melalui konvensyen ini dapat mempertingkatkan disiplin-disiplin ilmu dalam perspektif Islam sebagai wadah menggapai kesejahteraan umat Islam sejagat.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam merealisasikan Konvensyen Serantau Pengajian Islam 2016 ini. Semoga prosiding yang diterbitkan ini berupaya menyumbang sesuatu yang bernilai kepada para ilmuan untuk menjadikan rujukan pada masa akan datang.

**Prof. Datuk Dr. Haji Mohd Taib bin Haji Dora**  
Naib Canselor  
Kolej Universiti Islam Melaka

## KETOKOHAN BUYA MAWARDI DALAM ILMU HADIS

**Jannatul Husna Ali Nuar**<sup>41</sup>  
*jannatulhusna@ymail.com*

### ABSTRAK

Kertas kerja ini dimaksudkan untuk memberi pendedahan seputar peranan yang dimainkan oleh Buya Mawardi, yang bergelar Sutan Muncak (1913-1994), salah seorang ulama yang dilahirkan di Tanah Minangkabau, tokoh pendidik ummah yang cukup terkemuka pada masanya. Di samping latar belakang akademik dan sorotan terhadap karya penulisan, diberi tumpuan kepada pengenalan idea beliau dengan mengutip beberapa gagasan dan lanjar fikiran tokoh dalam disiplin hadis. Kajian sepenuhnya menggunakan manhaj kepustakaan dengan analisis isi kandungan. Penulis telah berjaya mendapati bahawa mantan Pengarah Sumatera Thawalib Padang Panjang ini berhasil menunjukkan sumbangannya sebagai tokoh ilmuwan dengan menabur bakti dalam sejumlah bidang khasnya ilmu hadis.

**Kata kunci:** Buya Mawardi, Ilmu Hadis

### PENDAHULUAN

Suatu anugerah yang amat tinggi nilainya yang dikurniakan Allah terhadap bumi Nusantara ialah tidak pernah berhenti melahirkan ilmuwan terbilang dari semasa ke semasa. Salah sebuah kawasan yang terserlah sebagai penyumbang tokoh ilmuwan dan pejuang agama ialah Ranah Minang – yang majoriti wilayahnya terletak dalam Provinsi Sumatera Barat ketika ini. Bahkan, pada permulaan abad 20 lalu kawasan ini dikenal sebagai daerah pelopor gerakan pembaharuan Islam di Indonesia. Daerah ini banyak melahirkan bijak pandai dan tokoh, sama ada dalam bidang agama, intelektual, sastera mahupun politik (Gamal, 1999: 1). Malahan sejak akhir kurun 19 dan 20 lagi, kawasan tersebut adalah yang paling ramai melahirkan tokoh pengarang dibandingkan daerah lain di rantau Nusantara (Saghir, 2000: 65). Percambahan idea dan gagasan bercambah ketika itu, hingga melonjakkan tradisi menulis dalam bentuk penyusunan buku, akhbar, dan majalah. Tidak dinafikan, rentetan daripada usaha ini menarik minat usahawan Minangkabau untuk menubuhkan dan meneroka syarikat penerbitan dan percetakan. Bagi

---

<sup>41</sup> Memperoleh Ijazah Sarjana Muda (BA) Tafsir Hadis di IAIN Imam Bonjol Padang, Sarjana (MA) Hadis di Universiti Malaya, dan Doktor Falsafah (Ph.D) Hadis di Universiti Brunei Darussalam.

melihat sejarah dan kejayaan percetakan ini, pembaca boleh merujuk bukunya Profesor Ahmat Adam (2012), seorang sarjana Melayu yang cukup gigih dalam menghimpun serpihan maklumat nadir di merata tempat, untuk menunjukkan demikian hebat tradisi ilmu ketika itu.

## **BIOGRAFI INTELEKTUAL**

Nama sebenarnya ialah Mawardi Muhammad, gabungan antara namanya sendiri dengan nama ayahnya, Muhammad. Dalam sejumlah karangan, nama beliau adakalanya ditulis dengan Mawardy Muhammad menggunakan “y” bukan “i” (Mawardi, 1957: 4; Ibid., 1981: 1 dan 4; Ibid., 1982: 3). Bagaimanapun, beliau yang bergelar adat Sutan Muncak ini lebih dikenali oleh masyarakat setempat dengan sapaan Engku, Ustaz dan Buya (Hambali, 1990: 24; Asfar, 1995: 8; Yasminar, 7 Mac 2012; Indra Gamal, 15 Julai 2014).

Sulung daripada empat orang adik beradik ini terlahir di Kubang Putih, Bukittinggi pada hari Jumaat, 10 Oktober 1913 bersamaan 9 Zulkaedah 1331. Ayahnya bertugas sebagai peniaga sukses yang amat terkenal di Sumatera suatu ketika dahulu dengan Syarikat (Kedai) Popular dan ibu beliau adalah seorang suri rumah tangga biasa (Sulem, 7 Januari 2015). Meskipun bukan terlahir daripada keluarga ilmuwan, akan tetapi kedua ibu bapa tokoh amat mengambil berat nilai agama dan akhlak dalam membentuk sahsiah dan jati diri anaknya. Tidak hairan, apabila anak-anak keduanya menjadi ilmuwan hebat yang melakar sejarah gemilang dalam dunia dakwah dan pendidikan.

Pendidikan formalnya bermula di Sekolah Rakyat Agam Satu di Bukittinggi serta belajar petang di Vrobel School. Beliau kemudian berpindah ke Sekolah Rakyat di Pakan Ahad, Kubang Putih dan menamatkan pengajiannya di sini pada tahun 1921 (Indra Gamal, 1988: 4). Selepas itu, beliau menyambung pelajaran ke Gouvernement School serta lulus di sini tahun 1925 (Indra Gamal, 1988: 4; Hambali, 1990: 24; Asfar, 1995: 8) ketika usianya mencecah lingkungan 12 tahun. Beliau juga menadah kitab kepada Buya Labai Khatib di Thawalib School (Diniyah School), Bulaan Kamba.

Beliau tidak berpuas hati sebelum meneguk lazatnya ilmu di Sumatera Thawalib atau yang lebih dikenali hari ini dengan Perguruan Thawalib, Padang Panjang. Pada waktu bersamaan, beliau juga memasuki pelajaran kelas tiga di Diniyah School, Padang Panjang (Indra Gamal, 1988: 4-6). Di sini tokoh mempunyai peluang untuk menjadi murid kepada beberapa ilmuwan Muslim pembaharu di Ranah Minang. Antara guru beliau tersebut ialah Abdul Karim Amrullah, Abdul Hamid Hakim, Zainal Abidin Ahmad, Duski Samad, dan Djalaluddin Thaib (Indra Gamal, 1988: 4-7; Rusyda, 10 Mac 2012; Darmawansyah, 12 November 2012).

Meskipun beliau tidak pernah bermastautin di Timur Tengah untuk belajar kepada ulama-ulama di sana, namun beliau mampu memperkembangkan elemen pengajaran dan penulisan. Ini seperti kebanyakan tokoh besar lain yang hanya lepasan institusi pendidikan tradisional dalam negeri, tetapi kegemaran membaca, mentelaah kitab sedari kecil, dan tempaan hidup menjadikan mereka sebagai tokoh yang layak disandingkan dengan ulama hebat lainnya di rantau Nusantara.

Setelah menabur bakti tiada terkira, beliau kembali ke hadrat Allah pada pagi hari Jumaat, 30 Disember 1994 bersamaan 27 Rejab 1415 (Yasminar, 9 Disember 2011; Asfar, 1995: 8). Ulama pendidik yang penuh dedikasi itu tutup mata dalam lingkungan usia 81 tahun dua bulan dan 20 hari berdasarkan kalendar Masihi ataupun 83 tahun lapan bulan dan 18 hari mengikut penanggalan Hijrah. Jasadnya disolatkan di Masjid Raya Jihad Padang Panjang (Rusyda, 10 Mac 2012). Jenazahnya telah disemadikan di sebelah kiri mihrab Masjid Mujahidin, Sumatera Thawalib Padang Panjang.

## **PROFESION DAN KERJAYA**

Semasa hayatnya beliau pernah menjawat pelbagai profesion dalam bidang akademik mahupun pentadbiran, baik di lembaga keagamaan atau organisasi sosial lainnya. Perjalanan kerjaya beliau dalam bidang akademik bermula sejak awal tahun 1931 (Syaaban 1349) apabila ditawarkan mengajar di Sumatera Thawalib, sekolah di mana beliau pernah menimba ilmu sebelumnya. Sejak tahun berkenaan, ketika usia baru menjangkau 18 tahun, beliau telah berkhidmat sebagai guru yang turut mencerdaskan kehidupan umat. Madrasah tersebut memelihara misi dan objektif bagi menjawab kelangkaan ulama dalam masyarakat Muslim. Oleh itu, perguruan menekankan aspek dan kepentingan ilmu agama dan akhlak.

Pada tahun 1936-1959, beliau telah ditugaskan untuk menjadi Timbalan Mudir di Sumatera Thawalib dalam usianya yang baru mencecah 23 tahun. Kerja-kerja pentarbiyahan dan pentadbiran tiada henti diperankan oleh Buya Mawardi. Sebagaimana dalam konsepnya, mengatur soal pendidikan melibatkan pengurusan subjek, kakitangan, perancangan, kerjasama, kurikulum dan sebagainya (Gamal, 2014: 106). Meskipun tidak ringan, usaha pentadbiran sekolah dengan penuh ikhlas dan ketulusan beliau jalankan demi mencapai matlamat pengajian. Personaliti dan kemahiran guru-guru yang disokong oleh minat pelajar yang tinggi serta orientasi ibu bapa dalam menyekolahkan anak-anaknya adalah keilmuan dan pembentukan jati diri, telah melambungkan reputasi madrasah. Tidak hairan, menjelang tahun 1980 sekolah ini cukup ramai dikunjungi peminat. Namun, apabila orientasi kerjaya yang menjadi tujuan utama penuntut dan orang tua, ditambah dengan kemunculan

sekolah-sekolah agama kerajaan dengan fasiliti dan infrastruktur asas yang lebih memadai, maka perguruan Islam yang pernah melahirkan sejumlah tokoh besar ini mengalami masa suram tau pasang surut perkembangan.

Bahkan, selepas pemergian Engku Mudo Hamid ke pangkuan Ilahi pada hari Isnin tanggal 13 Julai 1959 atau 7 Muharam 1379, Perguruan Thawalib Padang Panjang benar-benar kehilangan seorang tokoh panutannya. Ditambah lagi dengan masalah politik dalam negeri yang tidak stabil dan kacau-bilau dengan tercetusnya gerakan Pemerintahan Revolusioner Republik Indonesia di Sumatera Barat. Pergolakan PRRI yang berlaku antara kerajaan pusat dan daerah dengan hilangnya kepercayaan daerah terhadap pemerintah pusat di Jakarta. Ekoran dari peristiwa tersebut, perguruan ini berhasil dikuasai oleh kerajaan pusat. Meskipun Buya Mawardi telah mengambil kendali kepemimpinan sekolah, namun pergolakan telah memaksa beliau berserta guru dan murid-murid lainnya untuk menyelamatkan diri ke tempat yang lebih selamat. Aktiviti pendidikan dan pengajaran terpaksa ditunda untuk beberapa tahun sehingga tahun 1963. Beliau diangkat secara rasminya menjadi Mudir di Perguruan Thawalib terhitung sejak 1959, namun baru dapat bekerja secara proaktif sebagai pimpinan dan pengurus tadbir selepas pergolakan. Jawatan tersebut beliau pegang sehingga ke akhir hayatnya.

Sepanjang kepimpinannya di Perguruan Thawalib, beliau telah melakukan pelbagai inovasi dalam memajukan sekolah berkenaan. Antara peranan beliau yang sungguh bernilai ialah membangunkan Perguruan Thawalib Khusus Puteri di Jalan Haji Agus Salim No. 19 Kampung Jambak Padang Panjang. Inisiatif beliau untuk menubuhkan Perguruan Thawalib Puteri adalah demi mengisi kelompangan yang sedia ada. Sebagai diketahui, Perguruan Thawalib sejak mula diasaskan hanya memberikan pelajaran kepada kalangan lelaki sahaja. Sejak 1989, berkat cetusan idea yang bernas dan lagi disokong oleh masyarakat luas serta guru-guru, akhirnya menerima pelajar sulung perempuan dengan menyewa beberapa bangunan untuk pengajian. Pondok khas bagi kalangan wanita itu masih tetap berdiri kukuh sampai ke hari ini. Selain beliau juga mendapatkan inspirasi bersama Zainal Abidin Ahmad untuk membuka Perguruan Tinggi Thawalib dengan dua fakulti asas, iaitu Fakulti Syariah dan Hukum Negara serta Fakulti Dakwah dan Publisistik. Hanya sahaja, sekolah tinggi yang tersebut tidak berusia panjang, dirasmikan pada tahun 1974 dan terpaksa tutup beberapa tahun kemudian, kerana Zainal Abidin Ahmad selaku peneraju utama lebih banyak menetap di Jakarta.

Di masa pengabdianya pula, Perguruan Thawalib telah berkembang cukup pesat dengan memiliki beberapa tingkatan pendidikan, antaranya Thawalib untuk lelaki dan perempuan (setingkat sekolah menengah pertama), Kulliyah al-‘Ulūm al-Islāmiyah untuk



lelaki dan perempuan (setaraf sekolah menengah atas), dan Perguruan Tinggi Thawalib. Gaya kepimpinan beliau dengan para pendahulunya tentu mempunyai sejumlah persamaan dan beberapa perbezaan. Bagaimanapun Abdullah Ahmad adalah yang memulai tradisi pengajian dengan sistem halakah di Surau Jembatan Besi (1900-1911). Setelah itu, sistemnya berubah dengan klasikal oleh Abdul Karim Amrullah walaupun masih dalam bangunan yang sama (1911-1926). Di balik musibah tersimpan aneka hikmah. Demikian gambaran suasana yang mesti dihadapi oleh Abdul Hamid Hakim. Beliaulah pimpinan yang membina bilik darjah di kampus putera yang sekarang ini. Melalui binaan yang baru itu beliau telah menyempurnakan sistem pengajian dengan memperkenalkan istilah Thawalib A dan Thawalib B serta Kulliyatul Ulum al-Islamiyah (1926-1959).

Bagaimanapun apabila Engku Mudo Hamid meninggal dunia, sekolah ini hancur bahkan sebahagian binaannya rubuh akibat perang saudara yang dikenali sebagai PRRI, tahun 1958. Seperti diceritakan Buya Datuk Palimo Kayo, keadaan sekolah amat menyedihkan. Berkat usaha dan tenaga berdikit-dikit dari beberapa orang pencinta Perguruan Islam ini termasuklah Buya Mawardi, maka dibukalah semula sekolah dengan jumlah murid seramai 23 orang. Ketekunan pendidik di bawah kepimpinan Buya Mawardi tidak boleh dipandang ringan. Mereka tidak sempat berfikir tentang gaji dan elaun, bangunan tempat mereka mengajar sahaja bagaikan berteduh di bawah rumpun buluh betung (Palimo Kayo, 1970: 13).

Demikian, perit getir perjuangan beliau dalam membangunkan Perguruan Thawalib yang baru sahaja ditinggal peneraju utamanya dan ditambah oleh duka-lara pergolakan PRRI yang tiada menentu. Perkara ini juga mengakibatkan guru dan murid perguruan terpaksa pulang ke kampung halaman masing-masing dan meninggalkan pelajaran mereka. Manakala beliau sendiri bersama keluarga telah mengungsi ke tempat yang lebih aman, yakni Tanjung Raya, Maninjau. Di sana, beliau menjadi pimpinan PGA Tanjung Raya yang ketika itu dikenali ramai sebagai sekolah penampungan bagi kaum pengungsi (<http://www.mtsntanjungraya.sch.id>, 14 April 2015), sebelum akhirnya beliau kembali ke Padang Panjang.

Selain itu, beliau juga pernah menjawat profesion Wali Nagari di Kubang Putih (1947-1949), Yang Dipertua Masyumi Cawangan Padang Panjang (1947) dan Imam Jihad merangkap Ketua Jawatan Agama Kewedanan Agama Tuo Selatan (1948). Di samping itu, beliau juga aktif bekerja sebagai Pegawai Kerajaan (PNS) dengan menyandang Kepala Pendidikan Agama Kabupaten Agama dan Bukittinggi (1950-1957), Ahli Jawatankuasa Lembaga Penyelidikan di IAIN Imam Bonjol, Padang (1969), Ahli Jawatankuasa Majlis Ulama Indonesia Sumatera Barat (1983), Yang Dipertua Badan Kerja Sama Madrasah-Madrasah

Perguruan Islam Sumatera Barat (1988), dan organisasi sosial keagamaan lainnya.

Di samping menumpukan khidmat di Perguruan Thawalib, kerjaya beliau banyak dicurahkan untuk mengabdikan diri di IAIN Imam Bonjol sejak IPTA Islam tersebut ditubuhkan sampai menjelang kematiannya. Perguruan Tinggi IAIN Imam Bonjol Padang dirasmikan penubuhannya pada (Selasa), 29 November 1966 (15 Syaaban 1386) berdasarkan Surat Keputusan Menteri Agama Republik Indonesia yang ketika itu dijawab oleh Saifuddin Zuchri, bernombor 77/1966 yang bertarikh 21 November 1966 ataupun 7 Syaaban 1386 (<http://iainimambonjol.ac.id>, 14 April 2015). Hampir setiap fakulti di IAIN Imam Bonjol pernah beliau lawati untuk menyampaikan kuliah dan pengajaran. Beliau pernah menjadi pensyarah di Fakulti Dakwah, Tarbiyah, Syariah dan Usuluddin. Antara modul perkuliahan yang beliau ajarkan ialah tafsir dan ilmu tafsir, *ma'ānī al-Qur'ān*, hadis dan ilmu hadis, *ma'ānī al-ḥadīth*, ilmu qira'at, *rijāl al-ḥadīth*, ilmu *'arūḍ wa al-kawāfi*, fikah mawaris, tarikh tamadun Islam, tarikh Islam, ilmu mantik dan *uṣūl al-fiqh* (Indra Gamal, 1988: 16; Edi Safri, 12 Disember 2012; Suhefri, 13 dan 20 Mac 2015).

Pada tahun 1965-1966, beliau dilantik sebagai Timbalan Dekan Fakulti Tarbiyah IAIN Imam Bonjol Padang di bawah Dekan Profesor Mahmud Yunus. Akan tetapi tidak banyak sumber yang dapat dimintai maklumat serta keterangannya mengenai kerja-kerja beliau selama menjawat wakil pimpinan fakulti tersebut. Di samping itu, beliau juga pernah menjadi pensyarah di Sekolah Tinggi Akabah Bukittinggi (1986-1988), Akademi Ilmu al-Quran Padang (1987-1988), Fakulti Ekonomi serta Fakulti Hukum Universiti Andalas Padang, dan masih banyak lagi.

Melihat aktiviti kerjaya yang pernah dilaluinya itu tidaklah menghairankan apabila tokoh pendidik yang hidup di tiga zaman berbeza tersebut mempunyai anak murid yang banyak. Mereka berasal dari serata pelusuk negeri, baik dari Sumatera, Jawa bahkan Tanah Semenanjung. Bercakap mengenai pekerjaan mereka, juga menunjukkan kepelbagaian seperti ada yang menjadi guru, pensyarah, pendakwah, ulama, peguam, jurnalis, menteri, ahli parti politik dan sebagainya. Kejayaan murid dalam lapangan kehidupan adalah salah satu bukti kukuh akan keberhasilan beliau dalam mendidik dan melahirkan generasi cemerlang yang berdaya saing.

Antara barisan murid beliau, sama ada ketika mengajar ilmu di Sumatera Thawalib Padang Panjang mahupun di IAIN Imam Bonjol yang terkenal dalam dunia akademik dan dakwah ialah Ali Hasymi, Oemar Bakry, Nasaruddin Latif, Amir Syarifuddin, Fauzan el-Muhammadi, dan ramai lagi.

## HASIL KARYA PENULISAN HADIS

Tidak semua anak manusia dapat mencapai darjat alim. Aktiviti pembelajaran yang dilakukan di suatu institusi pengajian sehingga memperoleh sekeping sijil tidaklah dapat dijadikan kayu ukur seseorang itu telah mencapai kedudukan mulia tersebut. Apabila merujuk kepada al-Quran (QS. Fāṭir [35]: 28), ciri-ciri orang yang alim itu adalah selain mendalam ilmunya, juga merupakan kaum yang taat kepada Tuhan. Oleh itu, ramai ulama silam yang tidak berijazah tinggi, tidak pula belajar kaedah penyelidikan, namun menguasai ilmu agama dengan baik dan melahirkan sejumlah karangan. Tidak dinafikan, wawasan ilmu Buya Mawardi juga lahir daripada sikap dan ibadatnya yang terjaga. Hal itu tersebut oleh orang-orang yang mengenalnya.

Keberhasilan sebagai pengarang bertitik tolak dari ketekunan, rajin mengulangkaji serta mengembangkan ilmu pengetahuan sedia ada. Menurut Abbas Arief (14 April 2012), penguasaan gurunya itu dalam ilmu alat sangat baik, apatah lagi ditambah dengan daya ingatnya yang cukup kuat. Tidak hairan, apabila beliau mampu melahirkan sejumlah karya seperti ilmu bahasa Arab, ilmu tafsir, fikah, *farā'id*, pendidikan, ilmu hadis dan hadis.

1. *al-'Arūḍ al-Wāḍiḥah*. Selesai ditulis di Padang Panjang, 25 November 1939 atau 15 Syawal 1358. Ia diterbitkan untuk pertama kalinya oleh Maktabah Sa'adiyah, Bukittinggi dan Maktabah Sa'adiyah Putera, Padang Panjang. Karya setebal 65 muka surat ini turut diterbitkan oleh Maṭba'ah Tandikat, Padang Panjang pada tahun 1976/1396.
2. *al-Uṣūl al-Naḥwiyah*. Buku teks ini juga ditulis dalam bahasa Arab, yang merangkumi asas-asas ilmu nahu, dimulakan dengan tajuk "*al-kalām*" dan diakhiri dengan "*fi ma'ānī ḥurūf al-jar*". Karya yang terdiri daripada 154 muka surat ini selesai disusun di Padang Panjang pada hari Jumaat, 9 Januari 1942 Masihi bersamaan 22 Zulhijjah 1360 Hijrah (Mawardi, [t.th]: ii dan 152). Ia telah dicetak untuk julung kalinya oleh Maṭba'ah Tandikat, Padang Panjang pada tahun 1942/1361. Adapun yang menjadi rujukan penulis ketika ini ialah cetakan Maṭba'ah al-Manār di Padang Panjang, tanpa tarikh dan nombor cetakan.
3. *Sabīl al-Ṣarf fi 'Ilm al-Ṣarf li al-'Āliyah wa al-Kulliyah*. Sesuai tajuknya, kitab dirumus dengan menggunakan bahasa Arab dan selesai disusun tahun 1947. Merupakan karya yang disiapkan selepas *al-Uṣūl al-Naḥwiyah*. Keseluruhan isi yang dikandungi oleh kitab setebal 126 halaman ini adalah menjelaskan tentang ilmu *ṣarf*. Ia dicetak beberapa kali, bahkan hingga edisi kesembilan oleh Maktabah Sa'adiyah Putera, Padang Panjang dan Maktabah Sa'adiyah Putera, Jakarta turut menerbitkan.

Namun, tiada disebut secara tegas perihal tarikh penerbitannya itu. Penulis mendapati kitab ini dalam senarai katalog Perpustakaan Universiti Leiden, dengan nombor panggilan Mq4277N di bawah kategori buku-buku Islam, pendidikan Islam dan khazanah ilmuwan Indonesia. Diceritakan, khazanah berukuran 21 cm dan 124 muka surat ini diterbitkan di Jakarta oleh Maktabah Sa'adiyah Putera tahun 198?. Selain itu, penulis menemukan cetakan baharu oleh Maktabah Sa'adiyah Putera, Jakarta tanpa menyebutkan tahun dengan jumlah 128 halaman.

4. *Fī Ma'rifah al-Faṣāḥah wa al-Balāghah*. Risalah dalam bahasa Arab ini juga disiapkan bagi penuntut madrasah dan institusi pengajian tinggi, namun belum dicetak oleh mana-mana penerbit. Bagaimanapun ia telah ditulis dengan agak kemas melalui mesin taip cara lama. Ini adalah karya Buya Mawardi yang dikesan oleh penulis melalui keterangan Abbas Arief (14 April 2012). Bahkan beliau sendiri yang menerima amanah dari pengarang untuk mengajarkannya kepada murid Kulliyatul Ulum al-Islamiah (KUI), Sumatera Thawalib Padang Panjang ketika itu. Karya setebal 42 muka surat ini memperkatakan tentang *faṣāḥah* dan *balāghah* yang dimulakan dengan takrif keduanya hingga macam-macam *tjāz*.
5. *ʿIlm al-Tafsīr*. Merupakan satu-satunya karya beliau dalam bidang ilmu tafsir yang dijumpai setakat ini. Disusun mengikut silibus ilmu tafsir di sejumlah fakulti di IAIN serata Indonesia dekad 1960an. Buku setebal 68 muka surat tersebut selesai ditulis pada tanggal 22 Oktober 1966 Masihi bersamaan 8 Rejab 1386 Hijrah. Dicitak untuk julung-julung kalinya di Padang Panjang oleh Penerbit Sa'adiyah Putera, tanpa tarikh. Kitab mengandungi 27 tajuk utama, yang bermula dengan perbincangan tajuk "*ta'rīf al-Qur'ān wa al-kitāb*" hingga percakapan mengenai "*sabab al-nuzūl*". Edisi terbaharu yang berjaya penulis koleksi ialah terbitan Maktabah Sa'adiyah Putera, Jakarta juga tanpa tahun. Dalam terbitan ini, Muhammad Ishak Sa'ad (محمد إسحق سعد) dikatakan sebagai penulis khatnya dengan jumlah 64 muka surat.
6. *Risalah Cara Puasa Nabi*. Merupakan karya perdana yang dihasilkan ketika beliau baru mencecah lingkungan usia 21 tahun. Risalah tersebut banyak menjadikan ayat al-Quran dan hadis sahih sebagai hujah dan landasan. Ia selesai ditulis pada tahun 1934 Masihi (Indra Gamal, 1988: 7). Risalah yang mengandungi 48 muka surat dengan 16 tajuk utama tersebut dimulakan dengan perbincangan mengenai "*hikmah dan rahsia puasa Ramadan*" hingga akhirnya, "*khutbah hari raya Aidilfitri*".
7. *Ilmu Faraidl (Fikhi Mawarits)*. Disusun bagi memenuhi soalan orang ramai mengenai kaedah pembahagian harta pusaka

menurut Islam. Perkara tersebut tidak sahaja penting menjadi rancangan pelajaran di peringkat sekolah menengah, malahan juga mustahak didedahkan dalam lingkungan pejabat agama dan masyarakat. Buku setebal 95 muka surat dengan 56 fasal tersebut disusun dalam bahasa Indonesia. Adapun yang menjadi rujukan penulis ialah edisi ketiga yang dicetak pada tahun 1982 oleh Penerbit Sri Dharma, Padang. Ia dimulakan dengan bab “*Macam-macam Hak yang Harus Diselesaikan*” sehingga perbincangan mengenai “*Himpunan Firman Tuhan Tentang Pembahagian Harta Pusaka*”. Berbicara tentang cetakan kedua buku berkenaan, telah diungkayahkan oleh Penerbit Sa’adiyah Putra, Padang Panjang tahun 1966 dengan 83 muka surat. Walau bagaimanapun, tiada diketahui kapan edisi pertama dikeluarkan dan bahkan tarikh penyusunannya pun belum dikesan.

8. *Hidāyah al-Bāhith fī Muṣṭalah al-Ḥadīth*. Tarikh tamat penulisannya iaitu pada hari Isnin, 20 April 1936 Masihi bersamaan 28 Muharam 1355 Hijrah (Mawardi, 1972: 98). Merupakan karangan beliau yang kedua sesudah buku *Risalah Cara Puasa Nabi* (1934), yang membincangkan ilmu *muṣṭalah al-ḥadīth*. Ia diterbitkan untuk pertama kalinya di Bukittinggi oleh Maktabah Sa’adiyah. Ia diterbitkan oleh Maktabah Sa’adiyah Putera, Padang Panjang dan Maktabah Sa’adiyah Putera di Jakarta (120 ms), keduanya tanpa tarikh. Adapun yang menjadi rujukan penulis ialah edisi ke-11 cetakan Maktabah Sa’adiyah, Bukittinggi tahun 1972/1392 yang mengandungi 102 halaman, dan juga cetakan Maktabah Sa’adiyah Putera, Jakarta (120 ms) dengan cop penulis khatnya bertarikh 1423H/2002M, namun edisinya tidak dijelaskan dengan terang. Dalam edisi mutakhir yang berhasil penulis dapati ini, tertera nama penulisnya iaitu Kamaluddin (كامل الدين).
9. *Ilmu Mushthalah Hadits*. Karya dalam bahasa Indonesia yang disusun pada 5 Jun 1957 (Mawardi, 1957: 95) bertalian 7 Zulkaedah 1376 ini merupakan karya yang juga sudah beberapa kali diulang cetak. Cetakan perdana pada tahun 1957 oleh Maktabah Sa’adiyah di Bukittinggi (98 muka surat), dengan ejaan lama. Buku ini juga pernah dicetak oleh Percetakan Sridharma, Padang pada tahun 1981 (cet. 7, 128 ms), dan oleh Maktabah Sa’adiyah Putera, Padang Panjang tahun 1966 yang mengandungi 117 muka surat.
10. *Jawāhir al-Aḥādīth*. Tajuk asal kitab hadis ini ialah *Jawāhir al-Aḥādīth al-Nabawiyah* (Mawardi, [t.th]: 3). Ia selesai ditulis sekitar tahun 1937 (Indra Gamal, 1988: 7-8). Kumpulan hadis tersebut diterbitkan oleh Maktabah Tandikat, Padang Panjang sehingga cetakan ketujuh, tanpa tarikh. Adapun jumlah

halamannya iaitu 147 muka surat yang meliputi 493 hadis dan disertai dengan *fihris* (senarai kandungan) dan *errata* atau daftar ralat (*taṣlīḥ al-khata*). Hadis pertama yang dibincangkan ialah “*al-ikhhlās*” dan ditutup dengan hadis yang berkaitan dengan “*al-ad‘iyah*”.

11. *al-Aḥādīth al-Mukhtārah*. Merupakan karya yang terdiri daripada tiga juzuk (bahagian). Masing-masing bahagian mengandungi 40 buah hadis. Buku ini disusun berdasarkan silibus Madrasah Tsanawiyah di seluruh Indonesia era tahun 1950an. Ia tamat penulisannya pada tahun 1951 (Indra Gamal, 1988: 10), lalu dicetak oleh Percetakan Sridharma Padang tanpa tarikh. Manakala yang menjadi rujukan penulis ketika penulisan ini ialah juzuk satu (cet. 2, [t.th], 19 ms), juzuk dua (cet. 2, [t.th], 21 ms), dan juzuk tiga (cet. 1, [t.th], 21 ms). Di samping itu, dalam katalog Perpustakaan *Koninklijk Instituut voor Taal-, Land-en Volkenkunde* atau Lembaga Kerajaan Ilmu Bahasa, Negara dan Antropologi yang berkedudukan di Leiden, dengan nombor panggilan Mq4255N di bawah klasifikasi buku-buku Islam, teks agama, buku ilmuwan Indonesia dan hadis. Di sini dikatakan sebagai terbitan Matba‘ah Sridharma, Padang tahun 197? dengan 20 halaman dan ukuran 21 cm.
12. *al-Aḥādīth al-Mukhtārah wa Sharḥuhā*. Kitab ini adalah di antara karya beliau yang cukup penting. Bukan sahaja menukil hadis, malahan juga dengan mengemukakan syarahan menurut pemahaman yang tersendiri. Ia terdiri daripada empat bahagian (juzuk), iaitu juzuk ketiga (21 hadis, 32 ms), juzuk keempat (20 hadis, 32 ms), juzuk kelima (26 hadis, 49 ms), juzuk keenam (20 hadis, 52 ms). Mula ditulis sejak tahun 1950an (Indra Gamal, 1988: 10) dan sempurna penyusunan juzuk keenam pada 12 September 1975 Masihi berbetulan dengan 6 Ramadan 1395 Hijrah (Mawardi, [t.th]: 50). Ia telah diterbitkan di Padang Panjang oleh Maktabah Sa‘adiyah Putera dengan tanpa menyebutkan tarikh sebenar.
13. *Pengalaman Penyelenggara Pendidikan Thawalib Padang Panjang dalam Pencapaian Tujuan Program Thawalib: (Tinjauan) Dari Segi Manajemen dan Kurikulum*. Kertas kerja persidangan yang disampaikan dalam Seminar Kurikulum Pesantren Tinggi Islam Akabah di Bukittinggi. Seminar ini dilancarkan pada 20-21 Januari 1990, dihadiri kurang lebih 100 peserta dengan menjemput lapan orang ahli panel, termasuklah Deliar Noer, Sanusi Latief, Amir Syarifuddin, Suhairi Ilyas, dan Mawardi Muhammad (Januar Muin, 1997: 43-4).



Dengan memperhatikan hasil karya penulisan tersebut, maka dapat diambil kesimpulan bahawa beliau memiliki keahlian dalam beberapa disiplin, seperti ilmu bahasa (*'arūd*), *uṣūl al-tafsīr*, hadis dan ilmu hadis, serta ilmu fikih (*farā'id*). Namun keahlinya dalam bidang hadis agak lebih menonjol berbanding dengan yang lainnya. Sejumlah 62.5% dari karyanya ialah kajian hadis, sama ada aspek matan, syarahan mahupun *uṣūl al-ḥadīth*. Hal ini ditambahkan lagi dengan keterlibatan beliau dalam aktiviti pengajaran hadis dan ilmu hadis lebih signifikan dan terserlah. Antara subjek hadis yang diajarkan semasa menjadi pensyarah ialah *muṣṭalaḥ al-ḥadīth*, *ma'ānī al-ḥadīth*, *rijāl al-ḥadīth* atau *jarḥ wa ta'dīl*, dan hadis hukum serta kajian hadis (Indra Gamal, 1988: 16; Edi Safri, 12 Disember 2012).

Justeru kitab hadis dan ilmu hadis beliau telah dirujuk dalam pembelajaran oleh beberapa perguruan dan institusi pengajian tinggi beberapa dekad lamanya. Contohnya, *Hidāyah al-Bāḥith*, *Jawāhir al-Aḥādīth* dan *al-Aḥādīth al-Mukhtārah* masih digunapakai sehingga kini di Perguruan Thawalib Padang Panjang (Rahman Yusuf, 10 Mei 2012; Antifasis, 10 Mei 2012; Darmawansyah, 12 November 2012). Madrasah Tarbiyah Islamiyah, Candung Bukittinggi masih kekal sejak tahun 1970an menjadikan kitab *Hidāyah al-Bāḥith fī Muṣṭalaḥ al-Ḥadīth* sebagai rujukan pelajarinya (Dahrul, 20 Julai 2010). Unikinya, beberapa buku beliau seperti *Sabīl al-Zarf fī 'Ilm al-Ṣarf* dan *al-Aḥādīth al-Mukhtārah* kekal menjadi salah satu koleksi Perpustakaan Universiti Leiden (<http://catalogue.leidenuniv.nl>, 17 Ogos 2014).

Usaha pengkaryaan yang dilakukan oleh Buya Mawardi dapat dipandang sebagai langkah jitu dalam memartabatkan studi hadis di tanah air. Hanya sahaja, hampir kesemua karya yang beliau hasilkan adalah dicetak oleh syarikat tempatan, seperti Maktabah Sa'adiyah di Bukittinggi, Maktabah Sa'adiyah Putera di Padang Panjang dan Maktabah Sa'adiyah Putera di Jakarta, Maktabah al-Manar di Padang Panjang, Penerbit Sridharma di Padang dan Maktabah Tandikat di Padang Panjang, sehingga penyebarannya agak terbatas dan tidak sehebat karya-karya Syeikh Fādānī. Bahkan separuh daripada tajuk-tajuk yang telah disebutkan adalah sukar diperolehi ketika ini. Perkara tersebut berpunca daripada syarikat penerbitan dimaksud sudah banyak yang tidak beroperasi. Ditambah pula, karya-karya beliau majoritinya ditulis dalam bahasa Arab, perlu pengemaskinian agar supaya diterima kembali oleh dunia perbukuan tanah air. Suatu perkara yang hendak dikongsi, bahawa sejumlah buku beliau sering kali diulang cetak dengan kadar tulisan yang terlalu kecil, bahkan juga sering kali tanpa menyebutkan tarikh. Hal ini biasa berlaku, malah kadangkala tanpa sepengetahuan pengarang itu sendiri, lebih-lebih pada zaman di mana aturan hak cipta belum dijamin oleh undang-undang (Abdur-Rahman, 2011: 1) dan kualiti tulisan serta kertas tidak secanggih penerbitan dewasa ini.

Buya Mawardi adalah seorang ulama yang mempunyai kedudukan yang tersendiri sebagai pengarang. Sebelum ini tidak ramai ulama atau guru agama di Ranah Minang menyusun buku hadis apalagi yang ditulis dengan bahasa Arab. Rupanya bagi beliau, bahasa tidak cukup untuk dituturkan, melainkan juga menjadi alat untuk membuka khazanah pengetahuan yang beraliran Arab. Buya Mawardi telah menghasilkan tidak kurang daripada 10 buah karya hadis yang meliputi 4 karya berkaitan teks hadis, 4 karya lagi tentang syarah hadis dan 2 karya berikutnya dalam bidang ilmu mustalah. Ini ertinya, sebanyak 62.5% dari jumlah keseluruhan karya yang beliau hasilkan adalah kajian hadis, sama ada aspek matan, huraian mahupun *uṣūl al-ḥadīth*. Manakala karya lainnya iaitu fikih 12.5%, ilmu tafsir 6.25%, dan bahasa (*'arūd*, nahu dan *ṣarf*) sebanyak 18.75%.

### **PEMIKIRANNYA TERHADAP HADIS**

Buya Mawardi mengorak langkah cepat dengan mengambil keputusan untuk tetap bertahan di perguruan bagi menabur bakti di sana. Beliau memulakan kerjayanya sebaik sahaja tamat pengajian pada tahun 1931, dengan menjadi tenaga akademik dan terlibat aktif sebagai juru dakwah di masjid-masjid, surau dan tempat-tempat yang menjemputnya. Dengan pembelajaran dan pengalaman yang dilalui oleh Buya Mawardi puluhan tahun meletakkan beliau sebagai pendakwah dan pengajar. Selain menjaga komitmen untuk membina pendidikan, beliau memilih jalan penulis buku keislaman di tanah air. Dengan fasiliti ala kadarnya dan gaji yang agak kecil beliau tetap bekerja secara profesional. Bahkan, di zaman serba sulit sekalipun, royalti penjualan buku-buku tidak terlalu besar, beliau tetap berkarya mengemukakan idea dalam bentuk penulisan karangan. Ini menunjukkan dedikasi yang tinggi daripada tokoh kerana prinsipnya sebagai guru yang sudah sehati dalam jiwa.

Hadis dan ilmunya adalah di antara pelajaran agama yang diberikan di peringkat pengajian menengah pertama dan lanjutan di sejumlah pesantren dan madrasah di Indonesia. Subjek tersebut juga ditawarkan di peringkat universiti dalam lingkungan institusi pengajian tinggi Islam. Bahkan ada yang menjadi satu jabatan khusus alias program studi. Demikian halnya dengan Sumatera Thawalib yang tidak ketinggalan untuk menyediakan mata pelajaran hadis dan mustalah sebagai kursus wajib.

Bagi beliau, prinsip pentarbiahan yang perlu dijunjung oleh ahli pendidik adalah untuk mencerdaskan umat, menyiapkan tenaga pakar dalam bidang agama bagi menepati keperluan masyarakat semasa. Membina dunia pendidikan bukanlah sekadar untuk mencari lapangan pekerjaan atau keuntungan material. Oleh sebab itu, jiwa pendidik beliau terbukti dengan kelahiran murid-murid yang berkaliber. Sifat seorang

guru teladan melekat dalam dirinya, seperti bersifat lemah-lembut dan sayang terhadap murid-murid. Beliau memberikan kemerdekaan bertaakul dalam mengemukakan idea di kalangan pelajar. Yang tidak kalah hebatnya sikap guru yang berdisiplin dalam pengajaran. Perkara ini semua telah penulis singgung dalam bab sebelum ini dan yang akan datang. Berikutnya, dalam memajukan lembaga, beliau gigih untuk berkeliling pelusuk negeri menjalankan promosi sambil berdakwah dan mengutip sumbangan daripada dermawan dan murid-murid yang mempunyai jiwa pemedulian terhadap kemajuan Perguruan Thawalib.

Oleh itu, beliau dikenal sebagai pemimpin yang amat tegas dan tertib aturan dalam mengelolakan pentadbiran. Demi untuk menjaga falsafah dan matlamat awal penubuhan sekolah, beliau berwaspada terhadap bantuan kerajaan dan parti politik yang dapat menjejaskan prinsip *tafaqquh fi al-din* di institusi tersebut. Pada beliau, biarlah perguruan menanggung beban yang agak berat asalkan tidak menerima tawaran kewangan daripada pihak *self-interested*. Namun prinsip pendalaman ilmu agama tergadai dengan murah kerana menerima titipan kehendak penderma. Inilah sekecil-kecil perkara yang beliau titik beratkan dengan pengurusan sekolah. Biarlah berdikit-dikit namun maruah dan harga diri tetap berdiri kukuh.

Dalam perjalanan hidup Buya Mawardi sebagai guru dan pendidik, beliau terbiasa mengamalkan gaya hidup sederhana. Orang tua, muda, lelaki, perempuan di masanya mengenali susuk sederhana ini. Selaku pensyarah, beliau terbiasa untuk menaiki bas awam berulang-alik dari Padang Panjang menuju Padang atau Padang Panjang menuju Bukittinggi untuk mengajar. Ke mana-mana beliau berjalan, kopiah hitam pasti tidak lekang di atas kepalanya, dengan baju jas (*coat*) beliau yang khas (Hambali, 1990: 24). Gaya pakaian dan transportasi itu menunjukkan kesahajaan hidup. Tidak hanya itu, dalam keseharian Buya Mawardi tidak mementingkan diri sendiri. Malah, kesejahteraan murid dan guru-guru di perguruan lebih ditonjolkan. Sebagai peneraju sekolah, rasanya beliau wajar untuk mendapatkan sejumlah fasiliti dan kemudahan, namun beliau tidak mengambil itu. Ini mungkin, kerana tokoh sedar akan suasana institusi yang dikelola belum layak untuk dibuat sebagai ladang rezeki. Akan tetapi justeru sebagai ladang amal, tempat mencurahkan ilmu.

Pemikiran beliau untuk menjadikan Perguruan Thawalib mandiri secara kewangan, bebas daripada pengaruh dan tekanan yang merosakkan, kekal hingga ke hari ini. Keputusan tersebut beliau ambil agar matlamat awal penubuhan institusi tidak terjejas. Namun, apabila bantuan itu tidak menggugat prinsip madrasah, maka dengan sukacita beliau akan menyambut uluran tangan dengan penuh terima kasih. Misalnya, ketika dibantu oleh Kerajaan Saudi Arabia pada tahun 1974 (Soebagijo, 1985: 155). Pendek kata, Buya Mawardi adalah tokoh yang memberikan jasa dan sumbangan tidak ternilai bagi memartabatkan ilmu

Islam melalui kegiatan dakwah, pengkaryaan dan pengajaran. Personaliti dan intelektual yang cukup terserlah dalam kalangan murid dan masyarakat pada zaman itu. Karangannya banyak memberikan impak terhadap guru dan penuntut serta khalayak ramai amnya.

Selaku ilmuwan berwibawa, beliau mempunyai kepakaran dalam sejumlah bidang keislaman. Buya Mawardi bukan setakat ahli hadis, malahan juga mendalam ilmu dan pengetahuannya dalam bidang tata bahasa Arab, ilmu tafsir, fikah, faraid dan lain-lain. Perkara ini, sebagai dinyatakan bertitik tolak dari kemampuan bahasa yang sangat baik (Abbas Arief, 14 April 2012). Pada pandangan beliau, seyogianya ilmu alat tidak sekadar untuk dituturkan, melainkan menjadi wasilah dalam mempelajari khazanah akademik. Apabila ditinjau dari aspek penggunaan bahasa, sejumlah 14 karya adalah ditulis dalam bahasa Arab manakala bakinya disusun dengan bahasa Indonesia. Ini bermakna 78 peratus adalah yang menggunakan bahasa al-Quran dan hanya 22 peratus sahaja yang menggunakan bahasa ibunda. Bagaimanapun, perkara ini berlaku mengingat pengarang kebanyakannya adalah menyusun karya untuk tujuan pedagogi atau bahan ajar. Beliau mengakui bahasa Arab yang dipakai adalah mudah semunasabah dengan daya tangkap dan kemampuan pelajar. Oleh itu, beliau kerap mencadangkan mahasiswa dan masyarakat yang berhajat dengan buku tersebut untuk tidak khuatir membacanya.

شرحت أحاديثه شرحا عربيا، انتخبته ولخصته من شروح الأحاديث المتنوعة ومن الكتب العربية المختلفة، شرحا سهلا وجيزا مناسباً لعقول تلاميذنا، وملأنا لحاجات مجتمعنا وموافقا لمقتضيات أحوالنا (مقدمة في الأحاديث المختارة وشرحها الجزء الثالث)

Ertinya: Saya huraikan hadis-hadisnya dengan syarahan dalam bahasa Arab. Saya ambilkan dan ringkaskan daripada huraian hadis dan pelbagai kitab yang berbahasa Arab. Saya huraikan dengan syarahan yang mudah, ringan lagi munasabah dengan tahap kemampuan pelajar, menepati keperluan masyarakat dan bersesuaian dengan hal ehwal semasa (Mawardi, t.th\_2: 3).

Bagaimanapun, kajian penulis akan memfokuskan kepada peranan beliau dalam melonjakkan pengajian hadis, sama ada melalui pengajaran mahupun pengkaryaan. Penggalian khazanah dan pengalaman mengajar amat penting dikupas supaya dapat memberikan gambaran sebenar mengenai ketokohan beliau dalam bidang hadis. Beliau dapat juga dikatakan sebagai ahli hadis kerana karyanya yang lebih menonjol dalam disiplin berkenaan. Dijumpai sebanyak 56% (10 buah) daripada karyanya itu ialah kajian hadis, sama ada aspek matan (teks), syarahan mahupun

*uṣūl al-ḥadīth*. Sebagaimana difahami, hadis telah menjadi sebuah disiplin ilmu asas agama yang sangat penting bahkan sejak permulaan risalah suci ini ditanzilkan.

Di rantau Nusantara, studi hadis dikesan agak mengalami kelesuan apabila dibandingkan khazanah seumpamanya. Namun, ini tidak bermakna bahawa sunnah Nabi itu langsung tidak diamalkan sama sekali. Justeru, telah diserapkan ke dalam pengajian dan pengkaryaan seperti akidah, fikah dan akhlak-tasawuf. Perkembangan pengajian hadis mula agak terserlah di sini apabila kurun ke-14/20 menyaksikan kemunculan tokoh dengan karya masing-masing serta penubuhan institusi pengajian hadis. Antara tokoh yang banyak menyumbang dalam pengajian hadis ialah Buya Mawardi. Pada pandangan beliau, hadis merupakan ilmu yang sangat penting di dalam Islam. Oleh yang demikian, beliau sentiasa mengatakan:

فعلم الحديث من أهم العلوم الشرعية وأفضل الفنون الدينية عليه مدار أكثر الأحكام وبه يعرف الحلال والحرام (مقدمة في هداية الباحث)

Ertinya: Ilmu hadis adalah merupakan di antara ilmu syariah yang paling penting malahan juga ilmu ugama yang paling utama. Di atasnya diedarkan banyak masalah hukum-hakam dan melalui hadis (pula) perkara halal dan haram dapat diketahui [dengan lebih sempurna] (Mawardi, 2002: 3).

Ungkapan dalam mukadimah kitab *Hidāyah al-Bāḥith* tersebut agak mirip dengan mukadimah yang disampaikan oleh Syeikh Ṭāhir bin Ṣāliḥ al-Jazā'irī (m. 1920) dalam kitabnya *Taujīh al-Nazar ilā Uṣūl al-Athar* (1995 [juz. 1]: 792), salah sebuah karya yang menjadi rujukan pengarang terbabit. Syeikh al-Jazā'irī mengungkapkan kedudukan ilmu hadis sebagai disiplin ilmu yang mustahak dipelajari:

فعلم الحديث خطيرٌ وقَعُهُ كبيرٌ نفعُهُ عليه مدارُ أكثرِ الأحكامِ وبه يُعرف الحلال والحرام

Maksudnya: “Ilmu hadis itu adalah penting kewujudannya, besar faedahnya, dan kebanyakan perkara hukum berlegar di atasnya dan dengannya pula diketahui akan perkara halal dan haram”.

Dalam karya lain, Buya Mawardi menegaskan semula pandangannya mengenai dengan kepentingan ilmu hadis dalam kehidupan Muslim. Beliau berkata:

فلما كان علم الحديث من أشرف العلوم الدينية وأرفعها قدرا عند الصحابة والأئمة – لأنه تتبين به الآيات الكريمة وتبني عليه أحكام الشريعة الإسلامية وتصلح به الأحوال الاجتماعية (مقدمة جواهر الأحاديث)

Ertinya: Adapun ilmu hadis itu merupakan di antara ilmu agama yang paling mulia dan paling tinggi kedudukannya di kalangan para sahabat dan ilmuwan Islam. Oleh kerana, hadis itulah yang menjelaskan ayat-ayat yang mulia dan hukum-hakam syariat Islam pun dibina di atasnya. Melalui hadis juga hal ehwal masyarakat dapat diperbaiki lagi [ke arah kecemerlangan] (Mawardi, t.th\_10: 3).

Bercakap tentang hadis, Buya Mawardi memberikan istilah:

والحديث لغة ضد القديم واصطلاحا ما أضيف إلى النبي ص م قولاً أو فعلاً أو تقريراً أو صفة (ماوردي، ١٣٩٢/١٩٧٢: ١٠)

Ertinya: Hadis secara kebahasaan ialah lawan daripada lama, dan menurut istilah ialah semua perkataan Nabi, perbuatannya, ketetapanannya, dan sifat-sifatnya (Mawardi, 1981: 16).

Apabila diselongkar kitab-kitab *'ulūm al-ḥadīth* silam, akan terjumpa definisi hadis semacam ini dalam karya, misalnya *al-Ghāyah fī Sharḥ al-Hidāyah fī 'Ilm al-Riwāyah* (2001: 61) oleh Abū al-Khair Muḥammad al-Sakhāwī (m. 902H); dan *Qawā'id al-Taḥdīth min Funūn Muṣṭalah al-Ḥadīth* (t.th: 61) karya Jamāl al-Dīn al-Qāsimī (m. 1332H) ketika beliau memperkatakan "*māhiyah al-ḥadīth wa al-khabar wa al-athar*; apakah itu hadis, khabar dan athar" dalam bab kedua "*fī ma'nā al-ḥadīth wa fīhi mabāḥith*"; tentang makna hadis dan padanya beberapa perbahasan". Ketika dirujuk kepada maklumat pengarang, nyatalah kitab *Qawā'id al-Taḥdīth* yang tersebut adalah merupakan salah sebuah sumbernya semasa menyusun kitab berkaitan (Mawardi, 1981: 126).

Manakala takrifan hadis *ṣaḥīḥ* yang beliau keluarkan adalah seperti berikut:

الحديث الصحيح هو ما اتصل بسنده بنقل العدل الضابط عن مثله وسلم عن شذوذ وعلّة قاذحة (ماوردي، ١٣٩٢/١٩٧٢: ١٧)

Ertinya: Hadis *ṣaḥīḥ* ialah hadis yang berhubungan sanadnya, diriwayatkan oleh orang yang adil dan dhabit daripada orang yang seumpamanya, terpelihara daripada mengganjil dan bersih dari cacat yang memburukkan (Mawardi, 1981: 23).



Definisi ini telah dimuatkan dalam *Qawā'id al-Taḥdīth* (al-Qāsimī, t.th: 79) ketika penyusun memperkatakan tentang *bayān al-ṣaḥīḥ* (penjelasan *ṣaḥīḥ*) dalam bab empat “*fī ma'rifah anwā' al-ḥadīth wa fīhi maqāsid*; tentang mengetahui macam-macam hadis dan padanya terdapat beberapa maksud (ulasan)”. Bagaimanapun, kosakata (قادحة) dalam kalimat (وعلة قادحة) pada asalnya tidak terdapat dalam pengertian Syekh al-Qāsimī, kecuali dalam penjelasan takrif beliau menyebutkan perkataan (قادحة), seperti berikut:

وبالعلة ما فيه أسباب خفية قادحة فخرج الشاذ والملل

Ertinya: Apa yang kami maksudkan dengan ‘illah di sini ialah apa-apa yang menjadi sebab yang tersembunyi lagi mencatitkan (suatu hadis), maka terkeluarlah hadis *shādh* dan *mu'allal* (al-Qāsimī, t.th: 79).

Selepas itu, Buya Mawardi ada memperkatakan mengenai tidak adanya perbezaan antara hadis *ḥasan* dan *ṣaḥīḥ* kecuali dalam soal *dābiṭ* sahaja. Pada hadis *ṣaḥīḥ*, perkara *dābiṭ* menurut beliau harus cukup manakala hadis *ḥasan*, *dābiṭ* itu boleh kedapatan kurang atau tidak cukup (Mawardi, 1981: 26). *Dābiṭ* itu dua macamnya, *ṣadran* (kuat ingatan) dan *kitāban* (terpelihara catatan) (Mawardi, 1981: 24).

Hadis *da'if* hanya boleh menjadi hujah dalam perkara kelebihan amal, dengan tiga syaratnya: (1) tidak terlalu berat *da'if*nya seperti diriwayatkan oleh seorang pendusta atau fasik dan sebagainya, (2) ia bersifat mengikut atau bersandar kepada hadis *ṣaḥīḥ* atau *ḥasan* yang lain, (3) tidak diyakini thabitnya semasa mengambil hadis tersebut (Mawardi, 1981: 39-41). Beliau mencontohkan:

من حفظ على أمتي أربعين حديثاً من السنة حتى يؤديها إليهم كنت له شفيعاً وشهيداً يوم القيامة (رواه أبو نعيم وابن عبد البر)

Maksudnya: Barangsiapa yang menghafal empat puluh hadis di kalangan umatku dari perkara ugamanya hingga ia sampaikan pula kepada yang lain, maka saya akan memberinya syafaat dan kesaksian pada hari kiamat (HR. Abū Nu'aim, 4/189; Ibn 'Abd al-Bar, 1/193-6 [No. 205-8; Ibn 'Asākir, 1/269 [No. 316]; al-Baihaqī, 3/239-40 [No. 1596-8], dan lain-lain).

Hadis tersebut sekalipun ia mempunyai periwayatan yang banyak namun berkualiti *da'if* kerana integriti perawinya yang tidak memenuhi prasyarat seorang yang adil. Akan tetapi ia mengikut dan bersandar kepada hadis *ṣaḥīḥ* yang lain, iaitu:

وليبغ الشاهد الغائب (رواه البخاري ومسلم)

Maksudnya: Hendaklah yang hadir menyampaikan kepada yang tidak hadir (HR. al-Bukhārī, 1/32 [No. 104]; Muslim, 2/987 [No. 1354], dan lain-lain).

Jadi, pada hakikatnya umat tidak bersandar kepada hadis lemah di atas, namun melandaskan hujahnya kepada hadis *ṣaḥīḥ* yang selepasnya. Jangankan menghafal 40 hadis, satu riwayat adalah wajib untuk disampaikan kepada pihak-pihak yang tidak berpeluang untuk melihat langsung kemunculan sebuah hadis. Kenyataan ini berasaskan kepada prinsip “sekiranya hadis yang *ḍa‘īf* itu benar atau *ṣaḥīḥ* pada yang sebenarnya, ia sudah pun diambil serta diamalkan menurut isi kandungannya. Apabila ia tidak benar, tidak pula membahayakan kepada kaum Muslimin kerana amalan tersebut telah ditetapkan tadinya dengan dalil yang *ṣaḥīḥ* lagi dapat diterima pakai dalam kehidupan beragama (Mawardi, 1981: 41).

Kemudian beliau mengingatkan, bahawa tidak semua hadis *ḍa‘īf* itu saling kuat-menguatkan antara satu dengan lainnya sehingga ia meningkat menjadi hadis *ḥasan li ghairi*. Perkara ini tidak berlaku umum. Hanya terjadi apabila perawi dimaksud buruk hafalan atau disebabkan oleh perawi yang tidak dikenali (*majhūl*), tidak disebutkan perawi sahabat (*mursal*), atau disembunyikan perawi (*mudallas*). Maka hadis-hadis tersebut dapat saling kuat-menguatkan. Adapun jika disebabkan oleh perawi yang pendusta atau fasik sifatnya dan yang seumpama dengan itu, maka tidak menolong kepadanya bantuan hadis *ḍa‘īf* yang lain hatta dengan bilangan yang banyak sekalipun (Mawardi, 1981: 29/41). Persoalan ini yang menjadi penyebab keutamaan menghafal hadis arba‘in tidak naik tarafnya kepada *ḥasan* bagaimanapun saratnya dengan salasilah sanad penerimaan hadis.

Mengenai hadis *mauḍū‘* (palsu), pada hemat beliau hukumnya adalah sangat *ḍa‘īf* dan tidak boleh malah diharamkan untuk diriwayatkan dalam perkara apapun juga, sama ada mengenai hukum-hakam, nasihat, cerita dan menginginkan amalan baik, kecuali apabila diterangkan bahawa ia adalah hadis palsu (Mawardi, 1981: 42/97). Hadis palsu dapat diidentifikasi melalui sejumlah cara: (1) pengakuan perawi, (2) keadaan perawi, (3) pahala yang terlalu berlebihan atau mengada-ada atas amalan yang sedikit atau amaran yang terlalu buruk bagi pekerjaan yang remeh-temeh, (4) bertentangan dengan dalil lebih kuat seperti ayat al-Quran serta hadis *ṣaḥīḥ* yang lainnya, (5) lemah susunan atau buruk lafaznya (Mawardi, 1981: 95-7).

Demikian secara global mengenai pandangan beliau terhadap ilmu hadis. Sebagai telah disentuh sebelum ini, bahawa lanjar fikiran dan gagasan ilmu hadisnya dikembangkan melalui bilik darjah (kuliah) serta

penulisan karya. Melalui usaha pengajaran, beliau pasti sedikit sebanyak telah menyemai benih-benih pemikiran dalam bidang ini melalui subjek ilmu hadis, *ma'ānī al-ḥadīth*, *rijāl al-ḥadīth*, hadis *tarbawī* dan hadis *aḥkām* (Indra Gamal, 1988: 16; Syar'ī, 2 Julai 2012; Rasyidin, 3 Disember 2011). Tambahan lagi, kursus ilmu hadis yang diajarkan di Sumatera Thawalib Padang Panjang, sepanjang hidup beliau tidak pernah lepas daripada kendali dirinya. Manakala modul hadis diberikan oleh guru lain dengan memakai karya *Jawāhir al-Aḥādīth* dan *al-Aḥādīth al-Mukhtārah* yang dikarang oleh tokoh berkenaan (Darmawansyah, 20 Ogos 2013).

Buya Mawardi teruja untuk menerokai bidang hadis kerana ilmu hadis beliau anggap sebagai ilmu asas ugama (usuluddin) yang paling mulia selepas ilmu al-Quran. Oleh itu, sejak memulai karier sebagai pengarang beliau telah merintis kelahiran kitab ilmu hadis yang bermanfaat. Setakat ini, karya beliau yang bertajuk *Hidāyah al-Bāḥith fī Muṣṭalah al-Ḥadīth* adalah merupakan di antara karya tulen ulama Melayu yang cukup ulung. Karya dimaksud telah selesai ditulis pada hari Isnin, 20 April 1936 bersamaan 28 Muharram 1355, di usianya yang ke-23 tahun. Selain itu, gagasan pemikiran tokoh dalam memahami sabda baginda dapat dirujuk melalui *al-Aḥādīth al-Mukhtārah wa Sharḥuhā*. Tajuk kitab yang bermaksud *Hadis-hadis Pilihan dan Syarahnya* ini adalah di antara karya beliau yang agak besar dan banyak beredar dalam kalangan penuntut dan masyarakat suatu ketika dahulu. Kitab ini merupakan sambungan kepada kumpulan hadis arba'in sebelum ini yang berjudul *al-Aḥādīth al-Mukhtārah*.

فلما ألفت قبل هذا دروس الحديث لطلابنا في المدارس والمعاهد الدينية وسميتها (الأحاديث المختارة)، وجعلتها جزئين وضمنت كل واحد منهما أربعين حديثاً من الأحاديث المنتخبة. الأول منها للفصل الأول والثاني للفصل الثاني من المدارس الثانوية. ألفت كتابي هذا كتاباً ثالثاً لدروس الحديث... (مقدمة في الأحاديث المختارة وشرحها الجزء الثالث)

Ertinya: Adapun sebelum ini saya telah menyusun (kitab) pelajaran hadis bagi penuntut-penuntut di sekolah ugama dan pesantren yang saya namai ia dengan *al-Aḥādīth al-Mukhtārah*. Saya jadikan ia dalam dua juzuk, masing-masing juzuknya mengandungi 40 hadis yang terpilih. Bahagian pertama adalah untuk kelas satu dan bahagian kedua bagi kelas dua pada madrasah thanawiyah (MTs).

Saya susun kitab ini sebagai kitab yang ketiga dalam pelajaran hadis (Mawardi, t.th\_2: 3). Penulisan buku adalah bahagian daripada jihad dan ijtihad bagi mencerdaskan kehidupan masyarakat. Pengarang mesti merangkai makna dengan baik dan penuh bertanggungjawab, sebab

di hujung pena mereka terletak pilihan kebajikan dan nilai keburukan. Bagi mereka yang menulis dengan kesungguhan lagi amanah, tegaklah kebenaran. Demikian sebaliknya. Suatu perkara yang menarik adalah apabila Buya Mawardi menyerlahkan pandangan bahawa dengan mengeluarkan fikiran dan tulisan itu bermakna manusia telah melakukan jihad. Nyatanya perkataan jihad tidak terbatas semata-mata (sekadar) memanggul senjata di medan perang. Beliau menegaskan fikirannya sebagai berikut:

الجهاد في سبيل الله وهو بذل ما يستطيع من مال ونفس ومرتبة وجاه وقوة  
وفكر وقلم ولسان في سبيل الله إعلاء كلمة الله وحفظ دينه ونشره بين الناس  
وتعليمه وحفظ البلاد التي يسكنها الإسلام وحفظ أهله ممن ارادهم بسوء

Ertinya: Jihad di jalan Allah adalah dengan mengerahkan segenap upaya berupa harta, jiwa, martabat, kedudukan, kekuatan, fikiran, tulisan, lisan di jalan Allah demi meninggikan kalimahNya dan menjaga ugama serta menyebarkan dan mengajarkannya di kalangan orang ramai dan turut menjaga negeri sebagai tempat tinggalnya kaum Muslimin daripada pihak-pihak yang mahu berbuat jahat.

Kenyataan ini menyiratkan bukti kukuh bahawa beliau adalah tergolong kepada ulama yang benci terhadap penjajahan. Bahkan dalam *Risalah Cara Puasa* (t.th\_12: 47), beliau menyebutkan perang antara manusia tercetus akibat nafsu loba dan tamak serta angkara murka manusia untuk menghancurkan tata tertib kemanusiaan. Menurut pandangan beliau lagi, perjuangan melawan kezaliman itu dapat dilakukan dengan pelbagai cara dan wasilah, seperti membantu berupa material kebendaan kepada pejuang kebenaran, kebijakan politik-hukum, tulisan yang membina, pidato yang mencetuskan gelora jihad, bahkan pengorbanan jiwa dan raga. Adapun jihad beliau sendiri terserlah melalui pengkaryaan dan pengajaran ilmu.

Selain kurikulum, kitab rujukan dan keperibadian guru, metode pengajaran juga menentukan keberhasilan pengajaran dan pembelajaran termasuklah bidang hadis. Mengikuti hemat pakar pendidikan, cara yang tepat dalam menghasilkan pengajaran yang baik diantaranya ialah dengan memakai metode kuliah dan ceramah, diskusi dan perbincangan, demonstrasi dan praktikal, pemberian tugas (Tanrere, 1989a: 44 dan 86). Setiap keadaan tentulah mempunyai gaya tersendiri mengikuti cabaran dan dugaannya. Pengajaran hadis zaman Rasul banyak menggunakan metode ceramah, penulisan dan amalan praktikal. Selain itu, di masa sahabat telah digunakan manhaj yang tidak kalah pentingnya yakni melalui hafalan (al-A'zamī, 1977: 13-4). Masing-masing metode memiliki keunggulan dan segi kelemahannya.

Metode ceramah (kuliah) adalah penerangan secara lisan oleh guru yang bersangkutan sementara murid-murid mendengarkan sambil mencatat meteri dan inti pelajaran serta rumusan yang dapat diambil daripada pembelajaran (Tanrere, 1989a: 56). Bercakap tentang gaya pengajaran hadis, mengikut kelaziman pengajar hadis di sekolah dan pengajian tinggi, Buya Mawardi dikatakan membawa buku teks hadis berbahasa Arab yang telah disediakan atau membuat salinan fotokopi buku lain untuk dibahagikan kepada masing-masing murid dan mahasiswa. Dalam penyampaian hadisnya, kadang kala beliau sendiri yang memulakan bacaan [matan] dan sekali-sekala muridlah yang membuat pembacaan. Dalam istilah ilmu hadis, kaedah ini dikategorikan sebagai metode *samā'* atau *qirā'ah 'alā al-shaikh*. Setelah itu, beliau menerangkan maksud kata-kata gharib dan terjemahannya, uslub dan nilai pengajaran yang terkandung di dalam hadis (Darmawansyah, 12 November 2012; Irzal Hamzah, 5 Disember 2012; Nasir, 15 Disember 2012).

Seperti dikatakan, dalam pengajaran hadis, satu aspek yang perlu diambil kira ialah mengeluarkan hikmah yang terdapat dalam hadis dengan mengaitkannya dengan realiti kehidupan masyarakat (Tanrere, 1989a: 90). Penulis mempercayai yang Buya Mawardi ada memberi tumpuan kepada perkara berkenaan, sama ada perkara sanad, matan dan aspek lainnya. Bagaimana tidaknya, sebagai guru dan pensyarah bidang ilmu hadis, rijal dan *jarḥ wa ta'dīl*, tentulah aspek keadilan perawi, kedabitan dan tersambung-terputus sanad mesti disentuh dan menjadi makanan keseharian beliau. Demikian halnya dengan matan, adakah bercanggah dengan al-Quran, hadis sahih lain, logik dan meneliti matan yang kira-kira dapat diandaikan ia benar-benar datang daripada Rasulullah, dan sebagainya.

Kaedah pengajaran berikutnya adalah diskusi-perbincangan, mengandungi proses bertukar-tukar fikiran antara guru dan murid atau murid dengan sahabatnya yang lain. Kadangkala teknik perbincangan seperti ini mengandungi soal-jawab yang membuat suasana bilik darjah dan kuliah menjadi lebih hidup, panas dan bergairah. Kaedah yang satu ini lebih menyerlah apabila Buya Mawardi melakukan penyeliaan dan pengujian tugas-tugas akhir terhadap murid dan mahasiswa (Syar'i, 2 Julai 2012; Syafruddin, 16 Ogos 2013). Selain kaedah dimaksud, untuk materi pengajaran yang bersifat amali dan praktikal seperti mengkaji hadis tentang wuduk, solat, dan kaifiat haji, tidak jarang tokoh menerapkan metode demonstrasi serta percubaan supaya penuntut mengerti akan ibadat berkenaan. Termasuk juga tatkala mempercakapkan tentang asal-usul perawi, beliau menggunakan alat berupa peta untuk menunjukkan daerah Hijaz, Bukhara, Samarkand, dan lain-lain itu di mana kedudukannya dalam dunia (Rahman Yusuf, 10 Mei 2012). Yang tidak kalah mustahaknya adalah, ulama ini memberikan kerja rumah

(agar dibuat ulang kaji) kepada murid dan mahasiswa supaya mereka bersedia lebih awal terhadap pengajian yang bakal diberikan oleh beliau. Selain juga metode hafalan mengikut keperluan dan sebagainya.

Sememangnya telah diperakui, bahawa ilmu mempunyai kedudukan yang tinggi dalam pembangunan individu dan masyarakat yang kuat. Untuk mencapai matlamat tersebut, Islam menegaskan peripentingnya sejak risalah ini ditanzilkan (Wan Nor, 1995: 1-2). Salah satu wasilah utama dalam mencapai ilmu ialah melalui pembacaan. Selain juga dapat diperkembangkan melalui tradisi menulis dan budaya perbincangan. Mengenai hal ini, Buya Mawardi pernah menegaskan, banyak orang yang rendah sekolahnya lebih tinggi taraf kedudukannya daripada orang yang tinggi sekolahnya. Dalam mana disebabkan oleh kesungguhan dan kegiatan membacanya. Ringkas kata, kemajuan seseorang dapat diukur dengan pembacaannya (Mawardi, t.th\_12: 35). Kegiatan membaca dan perbincangan inilah yang dikembangkan dan ditularkan kepada murid, mahasiswa dan jemaah beliau sejak dahulu lagi dengan terbentuknya kumpulan debat, kafe merah, dan lain-lain.

Buya Mawardi boleh dikategorikan sebagai seorang tokoh yang dikurniakan kecekapan oleh Allah dalam *fiqh al-ḥadīth*. Kemahiran beliau dalam memahami maksud sebuah hadis dengan mengeluarkan nilai pengajaran sebagai tuntunan hidup. Perkara ini, tidaklah cukup dengan kebolehan menghafal sejumlah matan hadis. Malahan juga perlu ilmu-ilmu asas agama seperti akidah, fikah, akhlak dan tafsir serta ilmu-ilmu alat termasuklah ilmu nahu, *ṣarf*, *‘arūd* dan *balāghah* yang sememangnya telah dikuasai olehnya. Kehebatan itu boleh dibuktikan menerusi khazanah karya yang dikarang sebagai dihuraikan di atas. Demikian pula, tidak kalah pentingnya bukti melalui pengajaran terhadap murid dan penuntut.

## **PUJIAN TOKOH KEPADA BUYA MAWARDI**

Seseorang dapat menjadi atau disebut sebagai Syeikh, Kyai ataupun Buya kerana penerimaan masyarakat terhadap mereka. Memang, untuk bergelar tersebut tidak ada kriteria formal seperti persyaratan tingkat pengajian, sijil, ijazah dan sebagainya. Melainkan ada beberapa syarat informal yang mesti dipenuhi oleh seseorang yang bergelar tersebut, antaranya penerimaan khalayak atas kewibawaan ilmu agamanya, kesolehan dan jiwa pengabdian mereka terhadap umat, jumlah murid dan aktiviti pengajian serta keturunannya (Steenbrink, 1994: 109-40).

Catatan istimewa dalam perjalanan Buya Mawardi ialah walaupun mengajar di serata tempat, namun tidak pernah meninggalkan Perguruan Thawalib. Salah satu bukti kukuh akan ketulusan dan kemurnian cinta, pengabdian serta komitmen yang tinggi terhadap sekolah yang telah mendidik dan membesarkannya. Padahal, boleh dikata tidak banyak



kemudahan apatah lagi kemewahan yang didapat oleh beliau sepanjang pengabdian di sana. Hal ini bertolak belakang dengan apa yang dialami oleh ramai orang sekarang, kenderaan atau rumah yang nyaman dan lain-lain. Beliau tetap hidup dalam kesederhanaan dan bersahaja, tidak ada syak atau keraguan di hatinya untuk menggunakan bas awam ketika pergi-pulang mengajar mahupun berdakwah ke pelbagai tempat. Itulah peribadi Buya Mawardi (<http://ika-thawalib.com/kesederhanaan-sang-buya/>, 22 November 2013).

Oleh itu, tidak berlebihan ramai tokoh dan cendekiawan yang memberikan pujian berdasarkan kapasiti, kemuliaan sahsiah dan kedalaman ilmu beliau.

**Pertama**, penilaian disampaikan oleh Haji Mansur Daud Rashidi atau yang lebih dikenali sebagai Buya Datuk Palimo Kayo (1905-1985), ulama terkenal dan mantan Duta Besar Indonesia untuk Republik Irak (1956-1960), menuliskan:

Ketekunan guru Thawalib di bawah kepimpinan Ustaz Mawardi Muhammad yang tidak memandang keuntungan benda, sungguh menjadi modal bagi pembukaan semula Perguruan Islam Thawalib Padang Panjang (Palimo Kayo, 1970: 13).

**Kedua**, tidak ketinggalan Muhammad Sanusi Latief (1928-1994) menyampaikan kenyataan tentang Buya Mawardi. Beliau adalah merupakan mantan Rektor IAIN Imam Bonjol Padang (1976-1982) yang juga profesor pertama daripada Makkah Darek (Sumpur Kudus), Sijunjung, Sumatera Barat, katanya:

Di antara murid Engku Mudo Hamid yang menjadi tokoh berbobot dalam pelbagai bidang ialah Mawardi Muhammad, seorang ulama, penulis dan pengarah Sumatera Thawalib setelah wafatnya Engku Mudo (Sanusi Latief, 1981: 204).

**Ketiga**, seterusnya pengakuan tulus daripada Buya Masoed Abidin. Seorang ulama kelahiran Koto Gadang pada 11 Ogos 1935 yang masih bergiat cergas dalam dunia dakwah dan pengkaryaan, menggolongkan Buya Mawardi dalam kelompok:

Beliau itu adalah merupakan seorang pensyarah yang luar biasa. Ketika ini, justeru ramai pensyarah biasa di luar. Meskipun beliau bukanlah seorang profesor, namun ikut berperanan dalam melahirkan puluhan profesor (Masoed, 7 Desember 2011).

**Keempat**, Irhash Amran Samad – sarjana yang pernah menulis tentang Mahmud Yunus sebagai tokoh pendidikan Islam sekali gus

mantan Dekan Fakultas Adab dan Humaniora IAIN Imam Bonjol Padang – berkisah tentang Buya Mawardi:

Sejauh pengetahuan saya, untuk generasi terakhir ulama Minang, Buya Mawardi adalah yang terkehadapan dalam bidang hadis dan ilmu hadis. Adapun penulisan tentang ketokohan beliau belum ada sarjana yang menulis hingga saat ini (Irhash Samad, 25 Februari 2012).

**Kelima**, pengiktirafan berikutnya datang daripada Edi Safri Datuk Panduko Sati. Profesor yang berjaya menulis disertasi doktor tentang kaedah percanggahan hadis (*mukhtalif al-ḥadīth*) ketika ini adalah Pengarah Pascasiswazah IAIN Imam Bonjol Padang. Beliau pernah menegaskan pengalaman bersama Buya Mawardi:

Saya sepakat untuk mengatakan bahwa Buya Mawardi adalah tokoh terawal yang pernah menulis kitab hadis di Ranah Minang. Beliau bukan sahaja menukilkan atau mengutip pandangan ulama-ulama terdahulu, akan tetapi juga memiliki gagasan dan pemahaman tersendiri terhadap ilmu hadis yang beliau tuliskan itu (Edi Safri, 12 Desember 2012).

**Keenam**, penilaian selanjutnya datang daripada Amir Syarifuddin, cendekiawan dan mantan Rektor IAIN Imam Bonjol (1983-1993) yang mengakui pengalaman beliau bersama tokoh guru sekali gus pengarang produktif tersebut:

Gelar doktor kehormat adalah merupakan anugerah kepada seseorang yang masih hidup dan dipandang layak dalam suatu bidang ilmu. Sekiranya beliau masih hidup hari ini, maka IAIN pantas untuk memberikan gelar tersebut kepadanya (Amir, 12 Disember 2012).

**Ketujuh**, kenyataan daripada Muhammad Fuad Nasar, setiausaha BAZNAS (Badan Amil Zakat Nasional), mengatakan seperti berikut:

Segi lain yang saya ingat daripada Buya Mawardi ialah pendirian beliau yang teguh sebagai pemimpin yang mengawal kemandirian Perguruan Thawalib dalam waktu yang cukup panjang (Fuad Nasar, 21 November 2013).

Itulah di antara pujian tokoh terhadap personaliti Buya Mawardi. Benarlah bahawa, selaku manusia beliau tentu memiliki banyak kelemahan. Namun, sosok berwibawa yang mencintai dunia pendidikan Islam sejak zaman kanak-kanak ini merupakan peribadi yang tekun, disiplin dan bertanggungjawab di setiap amanah yang diberikan kepadanya. Yang tidak kalah menonjolnya, iaitu sentiasa tulus dalam

perkhidmatan dengan gaya hidupnya yang sederhana. Beliau juga terkenal sangat kuat dan berhati-hati dalam memegang prinsip yang diyakini akan sah dan kebenarannya.

## **KESIMPULAN**

Meskipun tidak dikenal secara luas di dunia Islam, namun khidmat yang diperankan oleh Buya Mawardi tidak kalah mulia dan berjasa. Di samping kurang pendedahan daripada murid-muridnya yang ramai, kisah kebesaran dan sumbangan beliau seakan-akan tertutup oleh cerita tentang ulama lain, seperti Syeikh Ahmad Khatib Minangkabau, Syeikh Abdul Karim Amrullah dan Syeikh Ibrahim Musa Parabek. Barangkali kisah dan perjalanan hidup beliau kurang gemerlap seperti Profesor Hamka dan Mohamad Natsir yang lebih dekat dengan sumber penerbitan dan media massa tanah air ketika mereka hidup. Bagaimanapun, kajian ini adalah salah satu upaya menghimpun bukti mengenai ketokohan dan pemikiran beliau, sehingga akhirnya layak pula disandingkan dengan tokoh di atas. Bagi mengenang jasa dan sumbangan yang telah beliau berikan itu, adalah wajar bagi pemerintah daerah bahkan pusat Indonesia untuk mengurniakan pingat dan bintang kebesaran atau anugerah lain yang sesuai demi menjulangkan alim ulama dan jasawan agama tanah air. Umat Islam hari ini dan zaman hadapan digesa untuk menempatkan seseorang yang berjasa mengikut kapasiti yang sepatutnya.